

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 03 / 03 / 1982

3 / 3 / 82

# Mahathir akan hadiri mesyuarat tamatkan perang Iran - Iraq

**A**BU DHABI, 2 Mac. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad akan menghadiri mesyuarat jawatankuasa keamanan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Jeddah Jumaat ini untuk memperbaharui usaha-usaha menamatkan perang Iran - Iraq.

Perdana Menteri, yang kini dalam rangka lawatan ke negara-negara Teluk, dijangka tiba di Jeddah Jumaat ini selepas lawatan rasminya ke Oman.

Ini adalah pertama kalinya seorang Perdana Menteri Malaysia akan menghadiri mesyuarat jawatankuasa keamanan lapan buah negara itu. Mesyuarat tersebut yang pertama dan kedua pada bulan Februari dan April tahun lalu telah dihadiri oleh Menteri Luar ketika itu, Tengku Ahmad Rithauddeen.

Mesyuarat di Jeddah itu dijangka menimarkan satu strategi baru untuk mengakhiri sengketa berusia 17 bulan itu.

Setiausaha Agung OIC, Encik Habib Chatti berkata awal bulan ini jawatankuasa itu akan merangka butir-butir lanjut mengenai penyelesaian yang dicadangkan di mana gencatan senjata akan diisytiharkan dan tentera Iraq diundurkan dari wilayah Iran.

Seorang jurucakap Wisma Putra berkata mesyuarat di Jeddah itu akan mengkaji keadaan yang terbaru dan mungkin dapat menghasilkan cadangan-cadangan yang sesuai untuk menamatkan sengketa itu.

Di mesyuarat-mesyuarat sebelumnya, jawatankuasa berkenaan telah membuat beberapa cadangan konkrit dan kedua-dua Iran dan Iraq telah mengemukakan sambutan dan saranan, mereka terhadap cadangan-cadangan jawatankuasa tersebut.

Sementara itu, Datuk Sri Dr. Mahathir, yang dalam hari kedua lawatan rasminya ke Amiriyah Arab Bersatu, telah terbang ke Al

Ain, kira-kira 130 km dari sini untuk mengunjungi Presiden Amiriyah itu, Sheikh Zayedbin Sultan Alnahyan.

Mereka telah berunding dan bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu dua hala dan antarabangsa termasuk masalah Palestine, keadaan di Asia Barat, dan Asia Tenggara, masalah Kampuchea serta kerjasama antara ASEAN dan majlis kerjasama Teluk.

Beliau kemudian melawat ke Universiti Amiriyah Arab Bersatu dan Muzium Al Ain. Datuk Sri Dr. Mahathir telah diiringi oleh Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie dan pegawai-pegawai kanan Malaysia.

Malam tadi, Perdana Menteri telah menghadiri satu jamuan makan malam yang diberikan oleh Timbalan Perdana Menteri Amiriyah itu, Sheikh Hamdan Mohamad.